



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

invest
smart[®]
A Securities Commission Malaysia Initiative



Mengenai InvestSmart®



InvestSmart® merupakan kempen kesedaran dan celik pelaburan yang menyeluruh di bawah inisiatif pemeraksanaan pelabur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ianya bermatlamat untuk:

- menggalakkan penyertaan pelabur runcit yang lebih berkeyakinan dan bermaklumat dalam pasaran modal.
- menyediakan orang ramai, khususnya pelabur generasi muda, dengan maklumat pelaburan berguna dalam format yang mudah melalui platform teknologi dan multimedia baharu, sebagai tambahan kepada saluran pendidikan pelabur sedia ada.

Pendekatan InvestSmart® adalah berpandukan tiga prinsip utama:

- **Keterangkuman:**


Mensasarkan semua segmen masyarakat pelabur di Malaysia untuk mendidik mereka mengenai asas-asas dalam membuat keputusan pelaburan yang mantap.

- **Mudah difahami:**

Memudahkan proses pelaburan dengan menggunakan bahasa yang mudah dan kaedah yang berkesan.

- **Pelbagai kaedah:**

Untuk mengembangkan usaha pendidikan kami melalui pelbagai saluran: media tradisional dan baharu serta pembabitan secara bersemuka.



Untuk maklumat lanjut, sila layari www.investsmartsc.my atau muat turun app InvestSmart® kami dari



10 Panduan Mudah Mengurus Kewangan untuk Pelajar

Untuk Amy Jeemat dan Johan Sim Pan, menjejakkan kaki ke kolej atau universiti adalah satu fasa baru dalam kehidupan mereka.

“Sungguh tidak disangka, menguruskan wang merupakan satu perkara yang sukar!” luah Amy dan Johan ketika mereka sedang mengemas beg untuk ke kelas.

Di sini, Amy dan Johan akan berkongsi cerita mengenai cara mengurus wang. Di akhir risalah ini, anda sebagai seorang pelajar akan mampu mengenal pasti sebab untuk berjimat dan seterusnya mengamalkan panduan-panduan ini dalam kehidupan seharian sebagai seorang pelajar.

Johan Sim Pan



Percaya atau tak, ada rakan-rakan saya ingat belajar di kolej atau universiti adalah satu masa untuk *enjoy* sahaja! Kenapa? Kerana, semuanya dibayar oleh ibu bapa malah dapat elaun bulanan pula.

Jangan lupa, ada di kalangan mereka yang cuba untuk mengurus wang tetapi gagal kerana tidak tahu cara yang betul. Ada juga yang mengambil pinjaman PTPN tetapi duit tersebut tidak mencukupi.

Amy Jeemat



Tidak kira selama mana anda telah berada di universiti atau kolej, anda akan dapat menjalani hidup sebagai seorang pelajar dengan lebih mudah sekiranya anda merancang, mengurus dan berbelanja dengan bijak.

Ketahui panduan-panduan mengurus kewangan dengan terus membaca risalah ini.

Kenapa Anda Perlu Berjimat?

UNTUK MENAMPUNG KOS SARA HIDUP

Sebagai pelajar, anda perlu bijak dalam berbelanja. Makan, minum dan pengangkutan adalah perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan.




MAKANAN Air kosong

Makanlah kami, kami murah!



Nasi, ayam dan sayur

PENGANGKUTAN




TEMPAT TINGGAL DAN LAIN-LAIN

Sewa, elektrik, air. Wow! Banyaknya kena bayar!



TIKAD PERLU BERGANTUNG KEPADA DUIT PINJAMAN PELAJARAN

Saya sangat risau bila mendengar tentang kawan-kawan yang terlalu bergantung kepada duit



Lina, lama betul awak *study*, jom la makan kat Mamak.


Aduhai, Lina ni terlalu bergantung kepada duit pinjaman.

Uh, takpelah, saya tak cukup duit nak makan kat Mamak hari ni.



MAMAK CORNER

Eh, mana Lina, dah tiga minggu tak lepak sama-sama!



Leganya! Akhirnya masuk juga duit PPTN. Sekarang baru boleh pergi makan kat Mamak.




10 PANDUAN MUDAH MENGURUS KEWANGAN

Menguruskan kewangan adalah mudah! Amalkan panduan-panduan dibawah, anda pasti akan berjaya mengurus wang dengan lebih baik.

PANDUAN MUDAH #1: IKUT PERATURAN 10%



PANDUAN MUDAH #2: WUJUDKAN DANA KECEMASAN



Jumlah dana kecemasan seharusnya di antara 3-6 bulan belanja bulanan.

PANDUAN MUDAH #3: PUPUK SIKAP MELABUR

Apa yang lebih baik daripada menyimpan? Melaburlah! Segera dapatkan maklumat tentang pelaburan yang sedia ada di pasaran.

Pelaburan tidak memerlukan jumlah wang yang besar. Satu pelaburan yang baik akan memberi pulangan yang lebih tinggi daripada akaun simpanan dan simpanan tetap.

Wow! Kita patut melabur sekarang juga!

Banyak duit? Ini yang kami nak dengar!!!

Betul tu! Jom!

Hehehe! Kawan-kawan, pastikan anda dapat maklumat secukupnya dan betul-betul faham tentang pelaburan itu sebelum melabur okay? JANGAN terburu-buru apabila melabur.

PANDUAN MUDAH #4: BUAT PERBANDINGAN HARGA

Bandingkan harga barang-barang setiap kali membeli-belah. Kalau benar-benar murah dan berbaloi, barulah beli!

70 Ringgit? Saya suka baju ni tapi terlalu mahal! la.

ADAKAH BAJU SATU KEPERLUAN ATAU KEHENDAK?

Hmm...Rasanya baik saya tunggu dulu. Kalau lulus periksa nanti baru beli.

Siti, kan Jualan Mega Malaysia tak lama lagi. Beli waktu tu, mesti lagi murah.

MEGA SALE 70%

Tu la pasal! Yang bestnye, baju ni diskaun 70%. Berbaloi saya tunggu sebelum beli.

Tahniat Siti kerana dapat "A" dalam Akaun 101 minggu lepas! Awak memang berbak beli baju itu.

PANDUAN MUDAH #5: POTONG KAD KREDIT

Adakah anda betul-betul perlukan kad kredit? Dengan kadar faedah yang tinggi, caj tersembunyi dan yuran tahunan, ianya kadang-kadang tidak berbaloi! Nak pakai senang, nak bayar balik susah!

BERHATI-HATI BILA MENGGUNAKAN KAD KREDIT

Hey Azman!, kau beli apa tu?

Tengok lah, aku beli kasut dan jeans baru. Mahal ni! Nasib baik ada kad kredit.

Man! Tahu tak kamu dah belanja RM1000 guna kad kredit minggu lepas? Kan ayah dah cakap, guna kad kredit bila kecemasan sahaja.

Kad Kredit akan membuat anda berbelanja melebihi kemampuan!

Aduh! Apa yang aku dah buat ni. Tak sangka aku belanja RM600 untuk sepasang kasut!

Minta maaf ayah. Saya tidak sedar saya dah belanja sebanyak itu.

PANDUAN MUDAH #6: KURANGKAN BIL

Tahukah dengan membuat sedikit perubahan kepada cara hidup, ianya akan menjimatkan bil anda?

Tak perlu sejuk sangat. Letak suhu 25°C dah okey.


Tutup lampu bila tidak digunakan.

Hey, terang sangat skrin tu, malapkan sikit dapat jimat elektrik tau.

Ya ke? Baru saya tahu.

Cayalah! Bil dah kurang 30%. Kalau macam ini, mungkin saya boleh jimat RM100 dalam setahun.


PANDUAN MUDAH #7: JADI PELAJAR BIJAK




PANDUAN MUDAH #8: GUNA KELEBIHAN ANDA SEBAGAI PELAJAR



PANDUAN MUDAH #9: GUNA PENGANGKUTAN AWAM/KONGSI KERETA



PANDUAN MUDAH #10: GUNA INTERNET UNTUK MEMBUAT PANGGILAN



Kesimpulannya, kolej atau universiti bukan sekadar untuk belajar semata-mata. Gunakan masa anda di kampus untuk belajar selok-belok kehidupan, terutamanya mengenai cara mengurus duit dengan betul. Dengan perancangan yang betul, anda pastinya memiliki kedudukan kewangan yang lebih cerah pada masa depan.



BAJET BULANAN SAYA

	BUTIRAN	RM
TUNAI / PENDAPATAN	Pinjaman pelajaran/biasiswa, lain-lain	
	Elaun daripada ibu bapa	
	Lain-lain (perniagaan dlm talian, kerja sementara, dll.)	
	JUMLAH TUNAI/PENDAPATAN	
PERBELANJAAN TETAP	Yuran Pengajian	
	Tempat Tinggal	
	Kenderaan (jika ada)	
	Kad Kredit (jika ada)	
	Simpanan/pelaburan/dana kecemasan	
	Lain-lain	
	JUMLAH PERBELANJAAN TETAP	

PERBELANJAAN TIDAK TETAP

BUTIRAN

RM

PENGANGKUTAN

Petrol

Tol

Bayaran letak kereta

Lain-lain

JUMLAH

PERBELANJAAN ISI RUMAH

Barangan runcit/dapur

Penjagaan diri (sabun, syampu, dll.)

Bil elektrik

Bil air

Bil telefon/telefon bimbit

Bil Internet

Bil perubatan

Lain-lain

JUMLAH

PERBELANJAAN PELAJARAN

Buku-buku/bahan rujukan/yuran perpustakaan

Alat tulis/peralatan seni lukis dan reka bentuk

Fotostat

Lain-lain

JUMLAH

LAIN-LAIN PERBELANJAAN (HIBURAN)

Wayang

Sukan

Majalah

Hiburan

Lain-lain

JUMLAH

JUMLAH TUNAI /
PENDAPATAN

RM _____

-

JUMLAH PERBELANJAAN TETAP +
PERBELANJAAN TIDAK TETAP

RM _____

=

RM _____

Setelah membuat bajet tadi, adakah anda mempunyai baki wang? Apa boleh dilakukan supaya bajet anda lebih stabil? Apa kata gunakan 10 Panduan di dalam risalah ini untuk membantu anda bermula?



INGAT!

JADI SEORANG YANG BIJAK BERJIMATI!

